

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL 100  
TAHUN KOPERASI ANGGOTA  
KERAJAAN**

**29 JULAI 2023 (SABTU)**  
**12.00 TENGAH HARI**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum                    Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

1. Pertama sekali marilah kita semua memanjatkan rasa syukur kerana dengan izin Allah S.W.T kita semua dapat berkumpul pada hari ini dalam usaha mempromosi dan pada sama yang sama memperkasakan lagi gerakan koperasi melalui Karnival 100 Tahun Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB).

2. Syabas dan tahniah khususnya kepada KAKIB dan Pengurusinya, YBhg. Tuan Mohd Hasrizadi Bin Zaman atas kejayaan dalam menganjurkan karnival ini dan terima kasih juga diucapkan kerana menjemput saya dan ANGKASA untuk turut serta menyertai program pada hari ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian**

3. Adalah menjadi satu penghormatan kepada saya untuk berdiri memberi ucapan pada hari ini dalam meraikan sambutan ulang tahun ke-100 KAKIB. Pencapaian yang luar biasa ini adalah bukti dedikasi, komitmen dan semangat berjemaah yang telah banyak menentukan

perjalanan anda sepanjang abad yang lalu.

4. Ini menunjukkan KAKIB adalah antara koperasi pioneer yang telah diwujudkan di Malaysia di mana koperasi mula wujud di Tanah Melayu pada 1922 manakala KAKIB diwujudkan pada 27 Julai, 1923.

5. Tempoh yang cukup lama ini membuktikan koperasi sememangnya sebuah institusi yang mempunyai daya tahan dan relevan sepanjang zaman. Biarpun dilanda pelbagai krisis besar seperti perang dunia kedua, krisis ekonomi dan terbaru pandemik COVID-19, KAKIB terus menjadi wadah

kesejahteraan sosiekonomi anggotanya.

6. Tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga KAKIB kerana komitmed memperjuang nasib anggota dan memupuk solidariti dalam kalangan kakitangan kerajaan Ipoh melalui platform koperasi.

7. Saya juga yakin pencapaian satu abad ini menjadi inspirasi kepada koperasi di luar sana untuk berdiri sama tinggi dengan koperasi tuan – tuan dan puan – puan. Karnival yang diadakan pada hari ini adalah platform terbaik untuk kita sebarkan pencapaian KAKIB serta mempromosi

kebaikan berkoperasi kepada masyarakat umum.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

8. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sehingga Disember 2022, di negeri Perak terdapat 1,694 buah koperasi,

dengan keanggotaan seramai 357,390 individu, syer/yuran sebanyak RM563.44 Juta, Aset RM1.6 Bilion dengan perolehan mencerekah RM535.54 Juta.

9. Saya merasakan perolehan ini boleh ditambah baik lagi pada masa hadapan. Ini kerana sektor ekonomi

telahpun memulih berikutan pandemik dan perolehan gerakan koperasi juga telah menunjukkan peningkatan. Sebagai institusi yang berpaksikan kepada kesejahteraan hidup rakyat, adalah penting untuk koperasi menceburi sektor – sektor utama negara untuk memaksimumkan impaknya kepada perolehan negara

seterusnya menyumbang lebih besar kepada anggotanya khususnya dalam mendepani kos sara hidup.

10. Di peringkat ANGKASA, kita telah wujudkan Lapan Sektor Pembangunan Perniagaan Koperasi dan anak – anak syarikat bagi tujuan eksplorasi perniagaan berimpak tinggi supaya

dapat diceburi oleh gerakan koperasi. Seperti contoh baru – baru ini ANGKASA baru sahaja menandatangani MoU bersama pihak Samsung bagi pemasaran produk bersasaskan teknologi di mana koperasi dan pengguna boleh mendapatkannya dengan harga

yang lebih rendah daripada harga pasaran.

11. ANGKASA juga giat menjalankan hubungan kerjasama dengan kerajaan, agensi dan pemain industri untuk kita perbaiki lagi ekosistem perniagaan gerakan koperasi. Tujuannya supaya koperasi boleh

terlibat sama dan mendominasi rantai perniagaan dan pada masa yang sama mampu untuk memberi pilihan dengan harga yang kompetitif kepada pengguna.

12. Pihak kerajaan juga telah memberi tanggungjawab kepada ANGKASA dalam isu kos sara hidup dan Projek

Barang Asas 100 (BA100) giat diusahakan. Di kesempatan ini saya menyeru kepada rakan – rakan koperasi di luar sana untuk turut serta dalam BA100 ini samada sebagai peruncit mahupun pembekal. Melalui BA100 ini kita sasarkan untuk melibatkan sebanyak mungkin SKU yang mana bukan sahaja

memanfaatkan koperasi yang terlibat malah dapat membantu pengguna di negara ini berjimat kerana harga yang ditawarkan adalah kompetitif.

13. Penyertaan anda semua juga menunjukkan koperasi bersedia menerima inovasi, menyesuaikan diri dengan cabaran baharu dan

mengharungi era digitalisasi dan kekal responsif kepada perubahan langskap ekonomi.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

14. Di kesempatan ini, marilah kita meneruskan komitmen menegakkan prinsip dan nilai tulen koperasi yang

telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara yang mampan, lestari dan inklusif buat rakyat Malaysia.

15. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Koperasi Kakitangan Kerajaan Ipoh di atas jemputan untuk sama-sama

memeriahkan sambutan yang cukup bermakna ini. Semoga KAKIB akan terus menjadi pemangkin kesejahteraan ekonomi dan sosial buat anggotanya.

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Kanival

100 Tahun Koperasi Anggota Kerajaan  
Ipoh Berhad.

Sekian, wabilahitaufik walhidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh